

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Negeri Selangor selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. LKAN Mengenai Aktiviti dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 25 Julai 2022.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Sepanjang tahun 2021 hingga 31 Julai 2022, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah bermesyuarat sebanyak 12 kali. Bagaimanapun, hanya enam kali mesyuarat tersebut diadakan bagi membuat pemeriksaan dan membincangkan isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018, 2019 dan 2020. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
TAHUN 2021			
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018 SIRI 3			
2	1 Oktober 2021	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd.
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019 SIRI 1			
3	6 Oktober 2021	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri. ii. SELCARE Management Sdn. Bhd.	Pengurusan Program Skim Peduli Sihat
TAHUN 2022			
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019 SIRI 2			
2	17 Januari 2022	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Pengurusan Program Skim Smart Sewa

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN 2019			
3	28 Januari 2022	Perbendaharaan Negeri Selangor	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020
		Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang	Kutipan Cukai Tanah
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019 SIRI 2			
4	9 Februari 2022	Majlis Perbandaran Klang	Pengurusan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI 2020			
6	25 April 2022	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Kutipan Cukai Tanah Lot Tanah Pertanian
		Majlis Sukan Negeri Selangor	Pengurusan Pembayaran
		Perbendaharaan Negeri Selangor	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020

Sumber: Jabatan Audit Negara